

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

KKM siasat kes tangan bayi bengkok, budak OKU meninggal

Kementerian
terima laporan
dakwa kakitangan
hospital cuai
ketika rawatan

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Balik Pulau: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menyiasat kes tangan seorang bayi didakwa bengkok dan bernanah selepas menerima rawatan demam campak, serta seorang kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) meninggal dunia di hospital selepas dilaporkan mengalami cirit-birit.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata KKM meneliti dakwaan bahawa tangan bayi berusia dua bulan terbit bengkok serta bernanah selepas meneri-

ma rawatan demam campak di Hospital Melaka.

Beliau menjelaskan, adakala ia berlaku disebabkan prosedur biasa dan bukan semua kes boleh diletakkan bawah 'medical legal'.

"Sebagai contoh, bengkok tangan akibat prosedur suntikan adalah biasa dan kita akan memberi rawatan sepatutnya kepada pesakit," katanya selepas merasmikan Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki mendakwa tangan anak saudaranya yang berusia dua bulan, bengkok dan bernanah ketika dirawat di Hospital Melaka, baru-baru ini.

Siasat secepat mungkin

Individu dikenali sebagai Mohamad Izwan yang memuat naik hantaran dalam media sosial itu mendakwa berlaku kecuai kakitangan hospital berkenaan ketika memberikan rawatan.

Susulan itu, Pengerusi Jawa-



Dr Zaliha menyempurnakan perasmian Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, semalam. (Foto BERNAMA)

tankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka, Ngwe Hee Sem, dilaporkan berkata pihaknya sudah mengarah pihak hospital untuk memulakan siasatan secepat mungkin.

Berhubung insiden seorang ka-

nak-kanak OKU berusia dua tahun enam bulan meninggal dunia di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Temerloh, kelmarin, selepas dilaporkan mengalami cirit-birit sejak minggu lalu pula, Dr Zaliha berkata, ke-

nyataan mengenainya sudah dikeluarkan Jabatan Kesihatan Pahang (JKNP).

"Siasatan berhubung kes itu sedang dilakukan," katanya.

Kelmarin, media melaporkan kanak-kanak lelaki itu yang menghidap penyakit lewat perkembangan global (global developmental delayed) dan congenital laryngomalacia, disahkan meninggal dunia pada jam 9.34 pagi di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) hospital berkenaan.

Susulan itu, seorang wanita dipercayai ibu kanak-kanak terbit menzahirkan perasaan kecewa melalui Facebook, terhadap sebuah klinik kesihatan di Bentong yang didakwa gagal mengesan tanda awal penyakit anaknya ketika mendapatkan rawatan di fasiliti berkenaan.

Justeru, Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, dalam satu kenyataan berkata punca kematian masih dalam siasatan dan JKNP akan mengambil tindakan lanjut.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

Kematian Dea Maisarah turut disiasat secara dalaman

BALIK PULAU – Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menjalankan siasatan dalaman termasuk dakwaan pengelasan kematian palsu *brought in dead* (BID) berkaitan kes kematian seorang kanak-kanak yang didakwa akibat kecuaian pihak hospital di Selangor, baru-baru ini.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, siasatan dalaman itu merupakan satu prosedur yang dijalankan untuk mengetahui dengan lebih lanjut dan terperinci berhubung kes berkenaan.

"Seperti yang disebut sebelum ini, perkara itu masih dalam siasatan polis, jadi kita memberi sepenuhnya kepada polis.

"Bagaimanapun, kami sendiri menjalankan siasatan dalaman bagi mengetahui lebih lanjut dan secara terperinci berhubung kes itu dengan memanggil pihak berkaitan.

"Ini adalah prosedur biasa, memang kita jalankan siasatan dalaman jika ada aduan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Jabatan Kecemasan

dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau (HBP), di sini semalam.

Beliau mengulas dakwaan Bada Hussein, 48, yang membuat laporan polis berhubung pengelasan kematian iaitu BID dalam sijil atau permit pengebumian anaknya iaitu Dea Maisarah adalah palsu.

Menurut Dr. Zaliha, pihaknya juga tidak dapat memberi komen lanjut berkaitan kes tersebut sehingga siasatan selesai.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya mengenai kes ke-

cuaian yang didakwa berlaku di membabitkan fasiliti kesihatan kerajaan di Pahang dan Melaka, Dr. Zaliha berkata, kedua-dua kes tersebut sedang diteliti dan disiasat oleh KKM.

"Apa pun keadaannya kita kena tengok kes tersebut, bagaimanapun, bukan semua kes boleh diletakkan di bawah *medical legal* dan ada disebabkan prosedur biasa.

"Apabila ada aduan kita akan jalankan siasatan dan kita jalankan siasatan terperinci bagi ke-

dua-dua kes tersebut," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial mengenai seorang lelaki mendakwa tangan anak saudaranya berusia dua bulan mengalami bengkok dan bernaah ketika mendapatkan rawatan di Hospital Melaka, baru-baru ini.

Bagi kes di Pahang pula, seorang wanita mendakwa anak lelakinya berusia dua tahun enam bulan meninggal dunia kerana tidak mendapat rawatan awal daripada doktor yang bertugas di sebuah klinik kesihatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Hospital Balik Pulau mudahkan penduduk setempat

BALIK PULAU – Bangunan baharu Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar di Hospital Balik Pulau (HBP) di sini yang beroperasi Mac lalu dapat membantu dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan terutamanya melibatkan kes-kes kecemasan dan trauma di daerah ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar itu sudah tentu memberikan kesan positif kepada penduduk di Balik Pulau di mana mereka tidak perlu lagi ke Hospital Pulau Pinang (HPP) yang agak jauh dari kawasan mereka.

"Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang umumnya dan Hospital Balik Pulau khususnya kerana telah menerima sebuah blok hospital yang baharu



DR. ZALIHA (dua dari kanan) ketika hadir merasmikan Jabatan Kecemasan Hospital Balik Pulau, semalam.

untuk jalankan tugas harian.

"Dalam masa yang sama, kualiti perkhidmatan yang ditawarkan

kan di Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau setanding dengan apa yang

ditawarkan di Hospital Pulau Pinang," katanya ketika berucap merasmikan Jabatan Kecemasan

dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau (HSB), di sini semalam.

Ujar Zaliha, Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Air Putih di sini juga sedang berada dalam fasa akhir penyiapan dan dijangka akan siap sepenuhnya sebelum penghujung tahun ini.

"Dengan beroperasinya klinik kesihatan baharu ini kelak yang jaraknya hanya kira-kira tiga kilometer dari Hospital Balik Pulau, ia juga akan dapat mengurangkan beban tugas di Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar.

"Kes-kes kecemasan yang lebih ringan dapat dikendalikan oleh klinik kesihatan ini terutamanya yang melibatkan rawatan di peringkat zon hijau," katanya.

Tambahnya, sebahagian perkhidmatan rawatan pesakit luar juga boleh diagihkan ke klinik kesihatan ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NEGARA

Jabatan Kesihatan siasat kematian budak 2 tahun **Beri tiga bungkus air garam lepas cirit birit**

Oleh ABDUL RASHID ABDUL
RAHMAN

BENTONG - Seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun meninggal dunia didakwa akibat kecuaiian selepas dibawa ke sebuah klinik kesihatan di daerah ini kerana mengalami cirit birit teruk.

Menerusi hantaran di Facebook, seorang wanita yang menggunakan nama Erma Iswani meluahkan rasa terkilan apabila anaknya hanya diberikan tiga bungkus air garam ketika dibawa ke fasiliti kesihatan berkenaan pada 12 Julai lalu.

Kanak-kanak itu bagaimanapun disahkan meninggal dunia pagi kelmarin.

"Adalah tidak wajar anak saya yang mengalami cirit birit sebanyak 21 kali dalam sehari diberikan tiga bungkus air garam ketika dibawa ke klinik kesihatan berkenaan.

"Saya ada bertanya adakah anak saya terkena keracunan makanan dan beliau (dokter) menjawab 'ya mungkin'. Ketika itu saya berasa agak risau kerana mata (anak) sudah mula tenggelam.

"Saya kecewa kerana amat berharap dia (anak) akan dirujuk ke hospital ataupun darahnya diambil (untuk tujuan analisis) tetapi tiada," katanya.

Menurut wanita itu, sebaik keluar dari klinik kesihatan, dia melihat kaki anak berwarna kemerah-merahan dan berbin-tik, manakala mata kanak-kanak itu pula cengkung.

"Tanpa berlengah saya bergegas ke sebuah klinik swasta sebelum anak dicadangkan dirujuk ke hospital kerana bacaan darah



MANGSA meninggal dunia ketika dirawat di hospital kelmarin.

putih terlalu tinggi dan sudah tidak aktif," ujarnya.

Ketika dibawa ke Hospital Bentong, kanak-kanak tersebut sudah lemah dan tidak sedarkan diri. Mangsa kemudian ditidurkan sebelum dibawa ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh dan meninggal dunia pada pukul 9.34 pagi kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus memberitahu, pihak-

nya akan menjalankan siasatan dan akan mengambil tindakan selanjutnya.

"Hasil siasatan awal mendapati kanak-kanak orang kelainan upaya (OKU) dengan penyakit lewat perkembangan global (GDD) itu mula mendapatkan rawatan di sebuah klinik kesihatan pada 12 Julai lalu selepas mengalami cirit birit," katanya.

Setakat ini, punca kematian kanak-kanak itu dalam siasatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : NASIONAL

Turut disiasat kes
kecuai di hospital
kerajaan di Pahang
dan Melaka

BALIK PULAU

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menjalankan siasatan dalaman berhubung kejadian Dea Maisarah Bada, yang meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di Selangor termasuk pengelasan kematian iaitu *Brought in Dead* (BID) dalam siji atau permit pengebumiannya.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, siasatan dalaman itu dibuat bagi mengetahui lebih lanjut dan terperinci berhubung kejadian sebenar insiden berkenaan yang telah tular sejak beberapa hari lepas.

"Sebenarnya kes itu telah dibawa ke siasatan pihak polis dan KKM juga beri sepenuhnya kepada polis untuk lakukan siasatan, malah kami juga dinasihatkan untuk tidak memberi atau mengeluarkan sebarang komen sehingga siasatan selesai.

"Namun, kami sendiri menjalankan siasatan dalaman bagi mengetahui lebih lanjut dan apa jua secara terperinci berhubung kes itu dengan memanggil pihak berkaitan, ini ialah prosedur biasa dan kita sedang jalankan siasatan dalaman itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jabatan Kecemasan

“

... kami sendiri menjalankan siasatan dalaman bagi mengetahui lebih lanjut dan apa jua secara terperinci berhubung kes itu dengan memanggil pihak berkaitan."

- Dr Zaliha Mustafa

Dr Zaliha (depan, kanan) ketika melakukan lawatan selepas Majlis Perasmian Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar di Hospital Balik Pulau pada Selasa.

dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau (HBP), di sini pada Selasa.

Bellau berkata demikian bagi mengulas laporan akhbar bapa Dea Maisarah, Bada Husseln, 48, membuat laporan polis berhubung pengelasan kematian iaitu BID dalam siji atau permit pengebumian adalah palsu dan tidak benar.

Media sebelum ini melaporkan Dea Maisarah, 10, hadir ke Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR bersama bapanya pada 9



FOTO: BERNAMA

Julai lepas sebelum disahkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan.

Sementara itu, Dr Zaliha ketika mengulas berhubung kes kecuai di hospital kerajaan di Pahang dan Melaka berkata, KKM turut akan menjalankan siasatan dalaman bagi kedua-dua kes berkenaan.

"Apa pun keadaannya, kita kena tengok kes tersebut bagaimana, bukan semua kes boleh diletakkan di bawah *medical legal*

dan ada yang disebabkan prosedur biasa ... tetapi saya beri jaminan kita akan jalankan siasatan terperinci bagi kedua-dua kes tersebut," katanya.

Pada Isnin, akhbar melaporkan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) memberi jaminan untuk menyalat dan mengambil tindakan lanjut berhubung kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun enam bulan yang tular menerusi media sosial.

Kanak-kanak itu disahkan meninggal dunia pada 9.34 pagi, Isnin selepas lima hari dirawat di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) di Temerloh bermula 12 Julai lepas.

Bagi kes di Melaka, seorang lelaki mendakwa tangan anak saudaranya berusia dua bulan mengalami bengkok dan bernanah ketika mendapatkan rawatan di Hospital Melaka (HM) baru-baru ini. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes kematian Dea Maisarah: KKM laksana siasatan dalamn

BALIK PULAU: Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan siasatan dalaman termasuk dakwaan pengelasan kematian palsu 'Brought in Dead' (BID) berkaitan kes Dea Maisarah Bada Hussein, 10, yang meninggal dunia didakwa akibat kecuaiian pihak hospital di Selangor.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, siasatan itu merupakan satu prosedur yang dijalankan untuk mengetahui dengan terperinci kes berkenaan.

"Perkara ini masih dalam siasatan polis, kita memberi sepenuhnya kepada polis melakukan siasatan.

"Namun kami sendiri menjalankan siasatan dalaman bagi mengetahui lebih lanjut kes itu dengan memanggil pihak berkaitan.

"Ini adalah prosedur biasa dan apa-apa kes yang berlaku memang kita jalankan siasatan dalaman," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Jabatan Keceemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau (HBP) di sini semalam.

Beliau mengulas laporan polis yang dibuat bapa kepada kanak-kanak berkenaan, Bada Hussein, 48, berhubung pengelasan kematian BID dalam sijil atau permit pengebumian anaknya itu yang didakwa palsu.

Bada dilaporkan berkata, anaknya masih hidup dengan dia mempunyai bukti termasuk resit pembayaran dan berharap pihak berkuasa menyiasat berhubung pengelasan kematian BID tersebut.

Menurut Zaliha, pihaknya juga tidak dapat memberi ulasan lanjut berkaitan kes tersebut sehingga siasatan selesai.

Dalam perkembangan lain, ditanya mengenai kes kecuaiian yang didakwa berlaku membabitkan fasiliti kesihatan kerajaan di Pahang dan Melaka, Zaliha berkata, kedua-dua kes tersebut juga sedang diteliti dan disiasat oleh KKM.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35
RUANGAN : DALAM NEGERI

Siasat kes tangan bayi bengkok bernanah

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

MELAKA: Pengarah Hospital Melaka telah diarah melakukan siasatan segera berhubung kenyataan dibuat seorang lelaki dalam media sosial yang mendakwa bahawa anak saudaranya berusia kurang dua bulan mengalami tangan bengkok sehingga bernanah selepas mendapatkan rawatan demam campak di hospital berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem berkata, dakwaan dibuat pemilik akaun Facebook dengan nama Mohamad Izwan itu yang mengatakan insiden berkenaan berpunca daripada kelalaian Hospital Melaka akan disiasat sewajarnya.

"Saya ada membaca media sosial bahawa Encik Mohamad Izwan akan mendakwa Hospital Melaka. Saya sebagai Exco Kesihatan telah mengarahkan Pengarah Hospital Melaka membuat siasatan tentang perkara ini," katanya ringkas kepada pemberita di sini, semalam.

Sejak kelmarin, tular dalam media sosial kisah seorang bayi berusia dua bulan yang dikatakan perlu menjalani pembedahan



GAMBAR tular menunjukkan tangan bayi berusia dua bulan yang didakwa bengkok selepas mendapatkan rawatan demam campak di Hospital Melaka, baru-baru ini.

han untuk mengeluarkan nanah daripada tangannya yang bengkok.

Mohamad Izwan mendakwa, anak saudaranya dimasukkan ke Hospital Melaka kerana demam campak, namun selepas 11 hari menerima rawatan, tangan-

nya mengalami bengkok yang disifatkan sebagai kritikal sehingga bernanah.

Bagaimanapun, carian *Utusan Malaysia* semalam di platform Facebook terhadap nama pemilik akaun terlibat, gagal menemukan akaun berkenaan.

Bangunan baharu hospital manfaat untuk pesakit

BALIK PULAU: Bangunan baharu Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar di Hospital Balik Pulau (HBP) di sini, yang beroperasi pada Mac lalu dapat membantu dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan terutama melibatkan kes-kes kecemasan dan trauma di daerah ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jabatan itu akan memberi kesan kepada penduduk di Balik Pulau yang tidak lagi perlu ke Hospital Pulau Pinang (HPP) yang jauh untuk mendapatkan rawatan.

"Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga kerja jabatan kesihatan negeri umumnya dan HBP khususnya kerana menerima sebuah blok hospital yang baharu untuk menjalankan tugas harian.

"Dalam masa sama, kualiti perkhidmatan yang ditawarkan di jabatan ini adalah setanding dengan apa yang ditawarkan

di HPP," katanya ketika berucap merasmikan Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau (HSB), di sini semalam.

Menurut Zaliha, Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Air Putih di sini juga sedang berada dalam fasa akhir penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya sebelum penghujung tahun ini.

"Dengan beroperasinya klinik kesihatan baharu ini kelak yang jaraknya hanya kira-kira tiga kilometer dari HBP, ia juga akan dapat mengurangkan beban tugas di Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar.

"Kes-kes kecemasan yang lebih ringan dapat dikendalikan di klinik kesihatan ini terutamanya yang melibatkan rawatan di peringkat zon hijau," katanya.

Tambah beliau, sebahagian perkhidmatan rawatan pesakit luar juga boleh diagihkan ke klinik kesihatan terbabit.



DR. ZALIHA Mustafa meninjau kemudahan perubatan yang ditempatkan di Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar HBP di Balik Pulau, Pulau Pinang semalam. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Three hospitals under probe

Police, internal investigations into deaths of three kids underway

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

BALIK PULAU: Besides a police investigation, an internal probe is also being conducted into the death of a 10-year-old girl at a government hospital in Klang.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the ministry would investigate all angles, including alleged negligence.

She said the internal investigation was part of the standard operating procedure.

"When a complaint is filed, we'll carry out an internal investigation. We, too, want to find out what had actually happened.

"For now, we have been advised to not comment on the issue until the police investigation is over," she told a press conference at Hospital Balik Pulau here yesterday.

It was earlier reported that Hospital Tengku Ampuan Rahimah had been accused of making a false report regarding the death of Dea Maisarah Bada, 10.

The hospital claimed the victim was already dead when she arrived for treatment, but the girl's family has alleged otherwise.

Selangor police chief Comm Datuk Hussein Omar Khan said police have received two reports, adding that investigations were being carried out under Section



New kid on the block: Dr Zaliha (centre) visiting the new emergency and trauma department building at Balik Pulau Hospital in Penang. — ZHAFFARAN NASIB/The Star

31(1)(a) of the Child Act 2001.

On another case in Kuantan, Dr Zaliha said the ministry was also looking into the case of a two-year-old disabled child who died five days after being warded at a hospital's neonatal intensive care unit in Temerloh, Pahang.

She said an internal investigation was also being carried out over the incident.

It was reported that a woman had claimed that her son was critical in less than three hours after being treated at the Lurah Bilut health clinic.

She said her son was very weak upon arriving at the Hospital Bentong emergency unit where

he was intubated.

He died five days later.

On allegations that a two-month-old baby had experienced swelling of the hand while receiving measles treatment at Hospital Melaka, Dr Zaliha said both the hospital and ministry had launched separate investigations.

The baby's uncle had posted on social media, questioning the hospital over its handling of the child.

Dr Zaliha was at Hospital Balik Pulau to visit the newly built Emergency and Outpatient building, which boasts emergency, outpatient, forensic and pathology departments.

She said as of June 30 this year,

RM108.4mil had been allocated to the Penang Health Department for development purposes under the 12th Malaysia Plan.

"The plan focuses on upgrading existing facilities through the '3R' approach - Repair, Replace and Restore - to improve the delivery of health services," she said.

"The funding shows the Federal Government's commitment towards improving the quality of health services in the country."

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

